Selangor contributed the highest volume and value to the market share, with 19.0% (3,207 transactions) and 29.9% of the total value (RM4.2 billion) followed by Johor with 17.1% (2,880 transactions) and 16.3% of the total value (RM2.3 billion). By type, two to two and a-half storey shops captured more than 53.0% (8,970 transactions) of the shops' market share, followed by three to three and a-half storey shops, registering 27.4% share (4,628 transactions).

#### Market Status

Shop overhang segment increased to 6,720 units with a value of RM5.84 billion, up by 1.6% in volume and up 1.1% in value against 2021. The unsold under construction and not constructed saw the reverse, down by 28.8% (2,777 units) and 9.0% (365 units). Johor accounted for nearly 26.0% of shop overhang volume and 28.7% in value (1,731 units worth RM1.67 billion) and the unsold under construction with 36.2% share (1,005 units).

Chart 15

## Shop Market Status 2018 - 2022



## Aktiviti Pembinaan


Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan mencatatkan peningkatan dalam siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang, masing-masing meningkat sebanyak 26.2% kepada 4,000 unit, 8.1% kepada 2,746 unit dan 62.3% kepada 3,285 unit. Pada akhir tahun, terdapat hampir 548,000 kedai sedia ada dengan lebih daripada 25,000 unit penawaran akan datang dan hampir 30,000 unit penawaran dirancang.

## Construction Activity

On the supply front, construction activity recorded an increase in completion, starts and new planned supply, each up by 26.2% to 4,000 units, 8.1% to 2,746 units and 62.3% to 3,285 units respectively. As at year-end, there were nearly 548,000 existing shops with more than 25,000 units in the incoming supply and nearly 30,000 units in the planned supply.

Chart 16

## Shop Construction Activity



## Harga

Harga kedai menyaksikan prestasi bercampur-campur secara menyeluruh. Di WP Kuala Lumpur, kedai tiga tingkat di Rimbunan Avenue dan Taman Tun Dr. Ismail dipindah milik di antara RM3.2 juta dan RM6.1 juta, masing-masing meningkat 14.1% dan 8.8%. Di Selangor, kedai dua tingkat di Damansara Promenade dipindahmilik

## Price

Prices of shops witnessed mixed performance across the board. In WP Kuala Lumpur, three storey shops in Rimbunan Avenue and Taman Tun Dr. Ismail were transacted between RM3.2 million and RM6.1 million, increased by 14.1% and 8.8% respectively. In Selangor, two storey shops in Damansara Promenade

pada RM1.43 juta hingga RM1.45 juta, meningkat 6.9%. Walau bagaimanapun, kedai yang sama di Sime UEP Industri Park dan Shah Alam Utama (Cahaya Alam) masing-masing menurun sebanyak 8.5% dan 9.0%. Di Johor, kedai dua tingkat di Taman Bukit Indah dan Taman Century, Johor Bahru masing-masing meningkat 6.2% dan 6.7% kepada RM1.10 juta – RM1.62 juta dan RM1.60 juta.

### Sewa

Penyewaan kedai di tingkat bawah pada umumnya stabil. Di WP Kuala Lumpur, sewa kedai tingkat bawah kekal tinggi di Changkat Bukit Bintang dari RM22,000 kepada RM30,200 sebulan. Pandan Indah, Bandar Tasik Selatan dan Fraser Business Park masing-masing mengalami peningkatan sebanyak 7.3%, 6.8% dan 6.1%.

Di Selangor, sewa secara amnya stabil dengan Daerah Petaling, Klang dan Gombak menunjukkan pergerakan bercampur. Seksyen 25 Shah Alam (Sri Muda) dan Bandar Saujana Utama mencatatkan pertumbuhan kecil masing-masing sebanyak 7.6% dan 7.1%. Terdapat beberapa skim di Cyberjaya mengalami sedikit penurunan di antara 2.7% hingga 5.8% dengan sewa dalam lingkungan RM3,500 hingga RM5,500 sebulan.

Di Johor Bahru, sewa kedai di tingkat bawah adalah stabil di kawasan utama pusat bandar, sementara di Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Station kekal tinggi pada RM6,900 hingga RM14,000 sebulan. Sewa meningkat dengan ketara sebanyak 20.8% di Taman Tasik Indah dengan sewa yang tinggi di antara RM1,300 hingga RM1,600 sebulan.

Di Pulau Pinang, sewa kedai tingkat bawah adalah stabil kecuali di luar pusat bandar yang menunjukkan pergerakan bercampur. Kedai baharu dengan reka bentuk moden seperti Juru Sentral dan Pusat Perniagaan Sentral Jaya mencatatkan harga sewa yang tinggi di antara RM7,000 hingga RM15,000 sebulan.

## 2.2.2 Pangsapuri Khidmat

### Transaksi

Segmen pangsapuri khidmat merekodkan 6,821 transaksi bernilai RM4.50 bilion, membentuk 20.8% daripada jumlah transaksi harta tanah perdagangan dan 13.8% daripada nilai. Prestasi pasaran mencatatkan peningkatan sebanyak 56.5% dalam bilangan dan 59.4% dalam nilai transaksi (2021: 4,359 transaksi bernilai RM2.82 bilion). Mengikut negeri, WP Kuala Lumpur dan Selangor menyumbang jumlah pasaran yang lebih tinggi kepada jumlah nasional, masing-masing dengan syer 41.3% (2,817 transaksi) dan 35.7% (2,435 transaksi).

was transacted at RM1.43 million to RM1.45 million, increased by 6.9%. However, similar shops in Sime UEP Industri Park and Shah Alam Utama (Cahaya Alam) decreased by 8.5% and 9.0% respectively. In Johor, two storey shops in Taman Bukit Indah and Taman Century, Johor Bahru increased by 6.2% and 6.7% to RM1.10 million – RM1.62 million and RM1.60 million respectively.

### Rental

The ground-floor shop rentals were generally stable. In WP Kuala Lumpur, ground floor shop rents remained high in Changkat Bukit Bintang from RM22,000 to RM30,200 per month. Pandan Indah, Bandar Tasik Selatan dan Fraser Business Park experienced an increase of 7.3%, 6.8% and 6.1% respectively.

In Selangor, rental was generally stable with Petaling, Klang and Gombak Districts saw mixed movements. Seksyen 25 Shah Alam (Sri Muda) and Bandar Saujana Utama recorded a marginal increase of 7.6% and 7.1% respectively. Several schemes in Cyberjaya experienced slight decrease of 2.7% to 5.8% with rental ranging from RM3,500 to RM5,500 per month.

In Johor Bahru, ground floor shop rents were stable in the central town prime area, while Jalan Wong Ah Fook and Jalan Station remained high at RM6,900 to RM14,000 per month. There was a significant increase of 20.8% in Taman Tasik Indah, rental ranging from RM1,300 to RM1,600 per month.

In Pulau Pinang, ground floor shop rents were stable except outside city center showing a mixed movement. New shops with modern designs such as Juru Sentral and Pusat Perniagaan Sentral Jaya recorded high rental rates ranging from RM7,000 to RM15,000 per month.

## 2.2.2 Serviced Apartment

### Transaction

Serviced apartment segment recorded 6,821 transactions worth RM4.50 billion, formed 20.8% of the commercial property transactions volume and 13.8% of the value. Market performance recorded an increase of 56.5% in volume and 59.4% in value of transactions (2021: 4,359 transactions worth RM2.82 billion). By state, WP Kuala Lumpur and Selangor contributed higher market volume to the national total, each with 41.3% (2,817 transactions) and 35.7% (2,435 transactions) market share.



## Status Pasaran

Keadaan bilangan unit siap dibina tidak terjual pangsapuri khidmat bertambah baik sedikit dengan 23,978 unit bernilai RM20.19 bilion, turun sebanyak 1.3% di dalam kedua-dua bilangan dan nilai berbanding 2021 (24,295 unit dengan nilai RM20.46 bilion).

Mengikut negeri, Johor adalah negeri yang mempunyai pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual yang tertinggi dengan 58.9% syer dalam bilangan (14,132 unit) dan 60.6% dalam nilai (RM12.23 bilion); hampir semua unit siap dibina tidak terjual ini berada di Daerah Johor Bahru (14,014 unit). Kebanyakan harga unit tidak terjual berada dalam lingkungan harga ini, iaitu melebihi RM500,000 hingga RM1.00 juta (15,837 unit, 66.0%) dan melebihi RM1.00 juta (5,441 unit, 22.7%).

Begitu juga, unit dalam pembinaan belum terjual berkurang kepada 33,101 unit, turun sebanyak 21.4% tetapi unit belum dibina belum terjual meningkat kepada 10,644, naik sebanyak 27.3%. WP Kuala Lumpur memegang jumlah tertinggi unit dalam pembinaan tidak terjual, dengan 43.5% syer (14,401 unit), diikuti oleh Selangor dengan 24.8% syer (8,212 unit) dan Johor 17.7% (5,851 unit).

## Market Status


*Serviced apartment segment overhang situation slightly improved with 23,978 overhang units worth RM20.19 billion, down by 1.3% in both volume and value against 2021 (24,295 units with a value of RM20.46 billion).*

*By state, Johor was the highest serviced apartment overhang state with 58.9% share in volume (14,132 units) and 60.6% share in value (RM12.23 billion); almost all of these overhang units were in Johor Bahru District (14,014 units). Most of the overhang fell in these two price brackets, namely above RM500,000 to RM1.00 million (15,837 units, 66.0%) and above RM1.00 million (5,441 units, 22.7%).*

*Similarly, the unsold under construction decreased to 33,101 units, down by 21.4% but not constructed increased to 10,644, up by 27.3%. WP Kuala Lumpur held the highest number of unsold under construction, with 43.5% share in volume (14,401 units), followed by Selangor with 24.8% share (8,212 units) and Johor 17.7% (5,851 units).*


Chart 17

Serviced Apartment Market Status 2018 – 2022



**Chart 18**

**Serviced Apartment Market Status in Major States 2022**



**Aktiviti Pembinaan**


Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan menyaksikan aliran bercampur-campur dengan unit siap dibina meningkat hampir satu kali ganda kepada 23,947 unit manakala mula dibina menurun sebanyak 43.9% kepada 20,739 unit dan penawaran baharu dirancang meningkat 12.3% kepada 14,391 unit. Terdapat lebih daripada 319,000 unit pangsapuri khidmat sedia ada dengan lebih daripada 158,000 unit dalam penawaran akan datang dan 146,000 unit dalam penawaran dirancang pada akhir tahun.

**Construction Activity**

On the supply front, construction activity saw mixed trend with completion increased by nearly one-fold to 23,947 units whereas starts decreased by 43.9% to 20,739 units and new planned supply increased 12.3% to 14,391 units. There were more than 319,000 existing serviced apartments units with more than 158,000 units in the incoming supply and 146,000 units in the planned supply as at year-end.

**Chart 19**

**Serviced Apartment Construction Activity**



**Harga dan Sewa**

Harga pangsapuri khidmat menunjukkan prestasi bercampur di beberapa lokasi. Di WP Kuala Lumpur, pangsapuri khidmat berharga melebihi RM1 juta, seperti di Four Seasons Place menguncup sebanyak 14.3%.

**Price and Rental**

Prices of serviced apartments showed a mixed performance in a few locations. In WP Kuala Lumpur, serviced apartments priced above RM1 million, such as Four Seasons Place contracted by 14.3%. Likewise,



Begitu juga, Casa Residency, G Residences dan Menara Soho juga menguncup masing-masing pada 12.6%, 11.8% dan 10.0%. Walau bagaimanapun, Vogue Suites One, Residensi Opus dan Pangsapuri Aria masing-masing meningkat pada 16.5%, 13.8% dan 11.5%. Di Selangor, pangsapuri khidmat di Serdang Skyvillas dan Vista Alam mencatatkan peningkatan harga masing-masing sebanyak 11.3% dan 10.0%. Begitu juga, harga pangsapuri khidmat di Johor Bahru menunjukkan prestasi bercampur dengan 8scape Residensi meningkat sebanyak 10.0% manakala Teega Residence @ Puteri Harbour menurun sebanyak 10.3%.

Pasaran sewa secara amnya stabil di WP Kuala Lumpur manakala Selangor menggambarkan pergerakan yang bercampur-campur. Purata kadar pulangan kasar di seluruh negeri berada dalam julat 2.5% hingga 6.8%. Di Kuala Lumpur Section 1-100, 188 Suites memperoleh julat sewa bulanan yang lebih tinggi antara RM2,900 hingga RM3,700 (2021: RM2,900 sebulan) meningkat sebanyak 14.0%. Begitu juga, Gravit 8 di Daerah Klang, Selangor menyaksikan peningkatan sebanyak 9.6% walaupun pada julat sewa yang lebih rendah iaitu RM1,200 hingga RM1,300 sebulan (2021: RM1,000 – RM1,350 sebulan).

### 2.2.3 Kompleks Perniagaan

#### Transaksi

Tahun ini mencatatkan sembilan transaksi kompleks perniagaan dengan jumlah nilai RM377.9 juta. Ringkasan transaksi adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

| No | State           | Lot / Name of Property   | Location/Mukim/ Daerah  | Transaction Year | Consideration (RM) |
|----|-----------------|--|---|------------------|--------------------|
| 1  | WP Kuala Lumpur | Boulavard Bussiness Park   | Jalan Kuching/Kuala Lumpur                                      | 2022             | 56,000,000         |
| 2  | Johor           | Pasaraya Econsave<br>Taman Scientex                              | Taman Scientex, Pasir Gudang/<br>Johor Bahru                    | 2022             | 25,000,000         |
| 3  | Melaka          | MYDIN Hypermarket  | Jalan MITC/Bukit Katil  | 2022             | 142,000,000        |
| 4  | Sarawak         | Aiman Mall   | Aiman Commercial Centre,<br>Jalan Datuk Mohd Musa/<br>Samarahan | 2022             | 30,000,000         |
| 5  | Selangor        | LOTUS Kajang   | Taman Saujana Impian  | 2021             | 79,900,000         |
| 6  | Negeri Sembilan | Pasaraya Gmart   | Off Bandar Gemas/Tampin,<br>Bandar Gemas                        | 2021             | 6,000,000          |
| 7. | Perak           | Pasaraya Econsave<br>Jelapang                                    | Jelapang/Kinta  | 2021             | 17,000,000         |
| 8. | WP Putrajaya    | Kompleks Lanai   | Precinct 10/Putrajaya   | 2021             | 12,000,000         |
| 9. | Sabah           | Bataras Hypermarket<br>(Formerly known as Giant<br>Indah Permai) | Taman Indah Permai/ Kota<br>Kinabalu                            | 2021             | 10,000,000         |

#### Penghunian

Prestasi kompleks perniagaan terus sederhana pada 2022, apabila kadar penghunian negara menurun kepada 75.4%. Lima negeri merekodkan kadar penghunian melebihi 80.0%. Negeri Sembilan dan Melaka mencatatkan kadar penghunian terendah di dalam negara masing-masing pada 66.6% dan 61.2%.

*Casa Residency, G Residences and Menara Soho also contracted at 12.6%, 11.8% and 10.0% respectively. However, the Vogue Suites One, Residensi Opus and Pangsapuri Aria increased by 16.5%, 13.8% and 11.5% respectively. In Selangor, serviced apartments at Serdang Skyvillas and Vista Alam recorded price increase of 11.3% and 10.0% respectively. Similarly, serviced apartment prices in Johor Bahru showed a mixed performance with 8scape Residensi increased by 10.0% while Teega Residence @ Puteri Harbour decreased by 10.3%.*

*The rental market was generally stable in WP Kuala Lumpur whilst Selangor portrayed mixed movements. Average gross rental yield across the states were in the range of 2.5% to 6.8%. In Kuala Lumpur Section 1-100, 188 Suites secured higher monthly rental range between RM2,900 to RM3,700 (2021: RM2,900 per month) up by 14.0%. Similarly, Gravit 8 in Klang District, Selangor saw an increase of 9.6% though at a lower rental range of RM1,200 to RM1,300 per month (2021: RM1,000 – RM1,350 per month).*

### 2.2.3 Shopping Complex

#### Transaction

*The year recorded nine shopping complex transactions with an accumulative worth of RM377.9 million. The summary of transactions is as listed below:*

#### Occupancy


*The performance of shopping complex continued to moderate in 2022, as the occupancy rate declined to 75.4%. Five states recorded occupancy rate more than 80.0%. Negeri Sembilan and Melaka recorded among the lowest occupancy rates in the country at 66.6% and 61.2% respectively.*

Sejajar dengan itu, ketersediaan ruang terus meningkat kepada 4.31 juta m.p. merangkumi 817 bangunan di seluruh negara. Selangor merekodkan jumlah tertinggi dalam negara, mendominasi 20.7% (889,460 m.p.) daripada jumlah keluasan keseluruhan. Johor berada di tempat kedua dengan 17.8% (765,194 m.p.) dan diikuti oleh WP Kuala Lumpur dengan 13.1% (563,412 m.p.).

Correspondingly, the available space escalated to 4.31 million s.m. from the 817 buildings throughout the country. Selangor recorded the highest number in the country, dominating 20.7% (889,460 s.m.) of the national total. Johor ranked second with 17.8% (765,194 s.m.) and followed by WP Kuala Lumpur with 13.1% (563,412 s.m.).


**Chart 20**

**Supply and Occupancy of Shopping Complex 2018 – 2022**



**Chart 21**

**Supply & Occupancy of Shopping Complex by State 2022**



**Aktiviti Pembinaan**

Sepuluh kompleks perniagaan baharu siap dalam tempoh kajian, menambah hampir 264,000 m.p. ruang niaga ke dalam pasaran. Terdapat sekitar 17.51 juta m.p. ruang niaga sedia ada daripada 1,064 kompleks perniagaan pada akhir tahun; majoritinya adalah pusat membeli-belah (554 bangunan; 13.28 juta m.p.). Selangor menguasai ruang niaga sedia ada dengan 156 kompleks perniagaan menawarkan hampir 4.0 juta m.p. Terdapat 40 lagi kompleks dengan 1.38 juta m.p. dalam penawaran akan

**Construction Activity**

Ten new complexes completed in the review period, adding nearly 264,000 s.m. of retail space into the market. There were around 17.51 million s.m. existing retail space from 1,064 shopping complexes as at year-end; majority of which were shopping centres (554 buildings; 13.28 million s.m.). Selangor dominated the existing retail space with 156 shopping complexes offering nearly 4.0 million s.m. There were another 40 complexes with 1.38 million s.m. in the incoming supply

datang dan 9 kompleks dengan 0.35 juta m.p. dalam penawaran dirancang. Kompleks perniagaan berikut telah siap pada tahun 2022:

and 9 complexes with 0.35 million s.m. in the planned supply. The following shopping complexes were completed in 2022:

| State           | Name of Property               | Location  | NLA (s.m.)     |
|-----------------|--------------------------------|---|----------------|
| WP Kuala Lumpur | Malaysia Grand Bazaar          | Jalan Pudu  | 9,290          |
| Selangor        | Datum Mall Jelatek             | Jalan Jelatek                                     | 29,449         |
|                 | IOI City Mall (Fasa 2)         | Lebuhraya SKVE                                    | 92,900         |
|                 | KSL Esplanade Mall             | Persiaran Bestari 2/KS09                          | 54,743         |
| Pulau Pinang    | Sunway Carnival Mall Expansion | Jalan Todak                                       | 32,500         |
| Kedah           | Lotus's Bandar Puteri Jaya     | Jalan Kuala Ketil                                 | 6,965          |
|                 | Lotus's Pulau Hartamas         | Medan Pulau Hartamas,<br>Jalan Sultan Nazrin Shah | 4,970          |
|                 | Econsave Chemor                | Jalan Jelapang-Chemor                             | 5,368          |
| Perak           | Bazar @ Botani Village         | Medan Botani                                      | 5,099          |
|                 | Mydin Hyper Tunjong            | Jalan Kuala Krai                                  | 22,195         |
| <b>Total</b>    | <b>10 complexes</b>            |   | <b>263,479</b> |

## Sewa

Sewaan ruang niaga secara amnya stabil di Lembah Klang dengan pergerakan bercampur-campur di kompleks terpilih. Suria KLCC memperoleh julat sewa yang lebih tinggi setiap bulan daripada RM376 s.m.p. hingga setinggi RM2,231 s.m.p. di aras concourse; beberapa unit mencatatkan penurunan antara 2.3% hingga 10.2%. Sewa di Semua House mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0% hingga 7.7% dengan julat sewa antara RM133 s.m.p. hingga RM341 s.m.p. Di Selangor, The Curve Mutiara Damansara menikmati pertumbuhan sederhana sebanyak 3.1% dengan sewa antara RM23.70 s.m.p. hingga RM425.00 s.m.p. Begitu juga, Starling Mall mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.4% hingga 3.6% dengan sewa antara RM53 s.m.p. hingga RM200 s.m.p.

## Rental

Rentals of retail space were generally stable in Klang Valley with mixed movements in selected complexes. Suria KLCC fetched a higher rental per month ranging from RM376 p.s.m. to as high as RM2,231 p.s.m. at concourse level; several units recorded decreases of 2.3% to 10.2%. Rental at Semua House recorded increases of 3.0% to 7.7% with rental ranging from RM133 p.s.m. to RM341 p.s.m. In Selangor, The Curve Mutiara Damansara enjoyed a moderate growth of 3.1% with rental ranging from RM23.70 p.s.m. to RM425.00 s.m.p. Likewise, Starling Mall recorded positive growths of 2.4% to 3.6% with rental ranging from RM53 p.s.m. to RM200 p.s.m.

## 2.2.4 Pejabat Binaan Khas

### Transaksi

Dua puluh transaksi bangunan pejabat dengan nilai terkumpul RM1.36 bilion dicatatkan pada tahun 2022. Ringkasan transaksi adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

## 2.2.4 Purpose-Built Office

### Transaction

Twenty office building transactions with an accumulated worth RM1.36 billion were recorded in 2022. The summary of transaction is as listed below:

| No | State           | Name of Property      | Location  | Transaction Year                | Consideration (RM) |
|----|-----------------|-----------------------|---|---------------------------------|--------------------|
| 1  | WP Kuala Lumpur | Bangunan AHP          | Jalan Tun Mohd Fuad 2                               | 2022                            | 86,000,000         |
| 2  |                 | Bangunan KWSP         | Off Jalan Raja Chulan                               | 2022                            | 62,000,000         |
| 3  |                 | Menara Naza           | Jalan Raja Muda Abdul Aziz                          | 2022                            | 51,000,000         |
| 4  |                 | Menara TM             | Persiaran Semarak Api, Cyberjaya                    | 2022                            | 35,288,000         |
| 5  |                 | Menara Ambank         | Jalan Pudu  | 2022                            | 22,000,000         |
| 6  |                 | CIMB                  | Jalan Sri Semantan                                  | 2021                            | 32,000,000         |
| 7  |                 | Menara Goucoland      | Jalan Damanlela                                     | 2020                            | 242,100,000        |
| 8  | WP Putrajaya    | Menara Tulus          | Persiaran Perdana                                   | 2020                            | 105,300,000        |
| 9  | Selangor        | Quill 9               | No.112, Jalan Professor Khoo Kay Kim, Petaling Jaya | 2022                            | 200,000,000        |
| 10 |                 | Menara Amfirst        | Jalan 19/3, Petaling Jaya                           | 2022                            | 62,000,000         |
| 11 |                 | Bangunan TM           | Persiaran Semarak Api, Sepang                       | 2022                            | 44,750,000         |
| 12 |                 | Bank Negara           | Jalan Persiaran Tasik, Shah Alam                    | 2022                            | 33,400,000         |
| 13 |                 | Wisma Chung De        | Off Persiaran Raja Muda Musa                        | 2022                            | 9,600,000          |
| 15 |                 | Quill 9 Annex         | No.110, Jalan Professor Khoo Kay Kim, Petaling Jaya | 2021                            | 123,880,000        |
| 16 |                 | VSQ Tower             | Jalan Utara, Petaling Jaya                          | 2021                            | 147,000,000        |
| 17 |                 | SEGI Damansara Campus | Jalan Teknologi                                     | 2021                            | 49,000,000         |
| 18 |                 | Pulau Pinang          | Kompleks Dato' Shaari Jihin                         | Jalan Forshore, Pelabuhan Klang | 2021               |
| 19 | Sarawak         | Wisma Segoo           | Jalan Sultan Tengah, Kuching                        | 2021                            | 13,000,000         |
| 20 | Pahang          | Bangunan UMNO         | Jalan Dato Awang Ngah, Temerloh                     | 2020                            | 1,500,000          |

### Penghunian

Prestasi keseluruhan segmen pejabat terus menurun dalam tempoh kajian apabila kadar penghunian keseluruhan menurun lagi kepada 78.5%, turun daripada 78.9% pada 2021. Bangunan pejabat swasta merekodkan kadar penghunian purata pada 71.7%, turun daripada 72.3% pada 2021. Pulau Pinang memperoleh kadar penghunian yang lebih tinggi pada 80.9% manakala Kuala Lumpur, Selangor dan Johor masing-masing mencatatkan lebih rendah daripada paras nasional iaitu pada 72.1%, 67.3% dan 59.1%. Bangunan pejabat swasta di Putrajaya mencatatkan kadar penghunian terendah dalam negara iaitu 49.4%.

### Occupancy

The overall performance of office segment continued to soften in the review period as the overall occupancy rate declined further to 78.5%, down from 78.9% in 2021. The private office buildings recorded average occupancy rate at 71.7%, down from 72.3% in 2021. Pulau Pinang secured a higher occupancy rate at 80.9% while Kuala Lumpur, Selangor and Johor recorded lower than the national level at 72.1%, 67.3% and 59.1% respectively. Private office buildings in Putrajaya recorded the lowest occupancy rate in the country at 49.4%.

Chart 22

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) 2018 – 2022




Chart 23

Supply & Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) by State 2022





Chart 24

Supply and Occupancy of Private Purpose-Built Office by State 2022



## Aktiviti Pembinaan

Terdapat 10 bangunan pejabat baharu siap dibina yang menawarkan jumlah ruang pejabat 0.42 juta m.p., lebih rendah berbanding 2021 (13 siap dibina; 0.49 juta m.p.). Terdapat sejumlah 24.30 juta m.p. ruang pejabat sedia ada daripada 2,585 bangunan, manakala 1.53 juta m.p. (48 bangunan) dalam penawaran akan datang dan hampir 0.99 juta m.p. (31 bangunan) dalam penawaran dirancang pada akhir tahun 2022. WP Kuala Lumpur mendominasi ketiga-tiga kategori penawaran, menyumbang 40.4% daripada jumlah ruang pejabat sedia ada dan 64.0% daripada keseluruhan ruang dalam penawaran akan datang.

Bangunan pejabat berikut telah siap pada tahun 2022:

| State           | Name of Building                                       | Location                                  | Category         | NLA (s.m.)     |
|-----------------|--|---|------------------|----------------|
| WP Kuala Lumpur | Menara Affin@TRX                                       | Jalan Tun Razak                           | Private          | 76,497         |
|                 | The Stride@BBCC  | Jalan Pudu                                | Private          | 35,481         |
|                 | Angkasapuri Kota Media                                 | Jalan Pantai Bahru                        | Government       | 45,495         |
|                 | Kampus Ibu Pejabat TNB                                 | Jalan Bangsar                             | Private          | 88,188         |
|                 | Pavillion Embassy (Menara A)                           | Jalan Low Yat                             | Private          | 24,859         |
|                 | Pavillion Embassy (Menara B)                           | Jalan Ampang                              | Private          | 23,294         |
| Selangor        | Empire City (Blok J) (HCK Tower)                       | Seksyen 13, PJ                            | Private          | 29,154         |
| Johor           | Mid Valley Southkey Office Tower (Tower 2)             | Jalan Bakar Batu                          | Private          | 32,500         |
| Perak           | Bonanza Venture Holdings                               | Jalan Lasam, Off Jalan Sultan Abdul Jalil | Private Building | 2,738          |
| Terengganu      | Kompleks Pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | Jalan Sultan Zainal Abidin                | Government       | 63,767         |
| <b>Total</b>    | <b>10 buildings</b>                                    |   |                  | <b>421,973</b> |

## Harga dan Sewa

Harga pejabat berstrata pada umumnya stabil di seluruh negeri dengan beberapa pengecualian. Di WP Kuala Lumpur, harga untuk ruang pejabat di Heritage House dan Wisma Perintis masing-masing turun 4.2% dan 4.1% pada julat harga RM5,160 s.m.p. dan RM9,000 s.m.p. Harga lebih tinggi dicatatkan di Menara Bangkok Bank yang lebih strategik pada RM15,930 s.m.p. Di Selangor, harga lot pejabat berstrata di 8Trium, Sri Damansara dan Bandar Baru Sri Damansara masing-masing meningkat 10.9% dan 8.6%.

Pasaran sewa pejabat menggambarkan prestasi bercampur-campur pada tahun 2022. Di Kuala Lumpur, beberapa bangunan pejabat menyaksikan pertumbuhan dua angka iaitu Menara Perak (16.9%) dan Wisma Boustead (15.7%). Sewa yang lebih tinggi dilihat di Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail antara RM118.41 s.m.p. hingga 131.32 s.m.p. Di Selangor, sewa pejabat secara amnya stabil dengan julat sewa bulanan RM40 – RM50 s.m.p. kecuali bagi ruang pejabat di tingkat bawah, Damansara Uptown 1 & 2, sewanya antara

## Construction Activity

There were 10 new completions offering a total office space of 0.42 million s.m., lower compared to 2021 (13 new completion; 0.49 million s.m.). There was a total of 24.30 million s.m. existing office space from 2,585 buildings, while another 1.53 million s.m. (48 buildings) in the incoming supply and nearly 0.99 million s.m. (31 buildings) in the planned supply as at end-2022. WP Kuala Lumpur dominated all three categories of supplies, contributing 40.4% of the total existing office spaces and 64.0% of the total incoming supply spaces.

The following office buildings were completed in 2022:

## Price and Rental

Prices of stratified office lot were generally stable across the states with several exceptions. In WP Kuala Lumpur, prices for office space in Heritage House and Wisma Perintis down by 4.2% and 4.1% at a price range of RM5,160 p.s.m. and RM9,000 p.s.m. respectively. A higher price was recorded at a more strategically located Menara Bangkok Bank at RM15,930 p.s.m. In Selangor, prices of stratified office lot in 8Trium, Sri Damansara and Bandar Baru Sri Damansara increased by 10.9% and 8.6% respectively.

The office rental market portrayed mixed performance in 2022. In Kuala Lumpur, several office buildings witnessed double digit growth namely Menara Perak (16.9%) and Wisma Boustead (15.7%). A higher rental was seen at Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail ranging between RM118.41 p.s.m. to 131.32 p.s.m. In Selangor, the office rentals were generally stable with monthly rental range of RM40 – RM50 p.s.m. except for office spaces on the ground floor/level 1 in Damansara Uptown 1 & 2, ranging from RM107.85



RM107.85 s.m.p. hingga RM155.00 s.m.p. manakala ruang pejabat di tingkat mezanin, Sunway Pinnacle disewa pada julat sewa bulanan antara RM59.20 s.m.p. hingga RM102.26 s.m.p., meningkat sebanyak 8.8%.

*p.s.m. to RM155.00 p.s.m. whilst office space at mezzanine floor, Sunway Pinnacle were tenanted at monthly rental range of RM59.20 p.s.m. to RM102.26 p.s.m., up by 8.8%.*

## 2.2.5 Riadah

### Transaksi

Tujuh transaksi hotel dan satu resort direkodkan dalam tempoh kajian dengan nilai terkumpul hampir RM555 juta. Ringkasan transaksi adalah seperti yang yang disenaraikan di bawah:

| No | State           | Name of Property                           | Location  | Transaction Year | Consideration (RM) |
|----|-----------------|--|---|------------------|--------------------|
| 1  | WP Kuala Lumpur | Hotel Sheraton Imperial                    | Jalan Sultan Ismail                             | 2022             | 235,000,000        |
| 2  |                 | Hotel Bintang Warisan                      | Jalan Bukit Bintang                             | 2022             | 31,800,000         |
| 3  |                 | Citizen M Hotel (Previously Skypark Hotel) | Jalan Pudu                                      | 2022             | 80,000,000         |
| 4  | Sabah           | Hotel Sixty3                               | Jalan Gaya, Kota Kinabalu                       | 2022             | 50,000,000         |
| 5  | Sarawak         | Li Hua Hotel                               | Jalan Wawasan, Sibu                             | 2022             | 8,500,000          |
| 6  | Selangor        | Hotel Lisa De Inn                          | Jalan Harapan & Jalan Universiti, Petaling Jaya | 2021             | 17,500,000         |
| 7  | Kedah           | Tanjung Rhu Resort                         | Jalan Tanjung Rhu, Langkawi                     | 2020             | 123,000,000        |
| 8  |                 | Hotel Swiss Inn                            | Jalan Wira, Kuala Muda                          | 2020             | 8,900,000          |

### Aktiviti Pembinaan

Aktiviti pembinaan berada pada nada pemulihan apabila siap dibina dan mula dibina meningkat. Terdapat 10 hotel baharu siap dibina pada 2022 menawarkan 1,341 bilik (2021: 3 hotel; 337 bilik). Mula dibina menunjukkan peningkatan (1,501 bilik) manakala penawaran baharu dirancang berkurang (219 bilik) berbanding 2021. Kebanyakan hotel mula dibina terletak di Sabah (tiga hotel: 807 bilik), diikuti oleh Johor (dua hotel: 353 bilik). Terdapat 3,517 hotel/resort di seluruh negara yang menawarkan 271,322 bilik, 85 lagi hotel/resort (17,919 bilik) dalam penawaran akan datang dan 91 hotel/resort (18,113 bilik) dalam peringkat penawaran dirancang pada akhir 2022; semuanya didahului oleh WP Kuala Lumpur.

## 2.2.5 Leisure

### Transaction

*Seven hotels and one resort transactions were recorded in the review period with an accumulated worth of nearly RM555 million. The summary of transactions is as listed below:*

### Construction Activity

*Construction activities was on a recovery tone as completion and starts increased. There were 10 new hotels completed in 2022 offering 1,341 rooms (2021: 3 hotels; 337 rooms). Starts showed an increase (1,501 rooms) whilst new planned supply reduced (219 rooms) compared to 2021. Most starts were in Sabah (three hotels: 807 rooms), followed by Johor (two hotels: 353 rooms). There were 3,517 hotels/resorts across the country offering 271,322 rooms, another 85 hotels/resorts (17,919 rooms) were in the incoming supply and 91 hotels/resorts (18,113 rooms) at the planned supply stage as at end-2022; all led by WP Kuala Lumpur.*

Hotel/resort yang baharu siap dibina pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

The newly completed hotels/resorts in 2022 as follows:

| State           | Name of Hotels/Resorts             | Number of Rooms |
|-----------------|------------------------------------|-----------------|
| Pulau Pinang    | Amari Spice Penang                 | 453             |
|                 | Ascott Gurney Hotel                | 261             |
|                 | Victoria Garden Hotel              | 80              |
|                 | Citi Villa Hotel                   | 54              |
|                 | The Granite Luxury Hotel           | 52              |
|                 | Hotel Iconic Point                 | 48              |
| WP Kuala Lumpur | Llyod's Inn Kuala Lumpur           | 108             |
|                 | East Riverine                      | 49              |
| Sabah           | Hyatt Centric Hotel, Kota Kinabalu | 222             |
|                 | Padi View Resthouse                | 14              |
| <b>TOTAL</b>    | <b>10 Hotels/Resorts</b>           | <b>1,341</b>    |

### Penghunian

Setelah negara beralih ke fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa sejak 1 April 2022, industri pelancongan Malaysia kini menuju ke arah pemulihan. Menurut Tourism Malaysia, dari Januari hingga September 2022, purata kadar penghunian meningkat kepada 46.6%, melonjak sebanyak 24.8% berbanding 2021 (21.8%). Purata kadar penghunian (AOR) Malaysia sebelum bermulanya pandemik COVID-19 pada tahun 2020 adalah sekitar 60%.

### Occupancy

As the country moved towards endemicity and the reopening of international borders since 1 April 2022, Malaysia's tourism industry is on track to recovery. According to Tourism Malaysia, from January to September 2022, the average occupancy rate increased to 46.6%, an expansion of 24.8% compared to 2021 (21.8%). The Malaysia average occupancy rates (AOR) before COVID-19 pandemic in 2020 was around 60%.

Table 5 – Malaysia Average Occupancy Rates January – September 2021/2022

| Locality        | 2021        | 2022        | Difference  |
|-----------------|-------------|-------------|-------------|
| Kuala Lumpur    | 16.9        | 44.3        | 27.4        |
| Putrajaya       | 21.4        | 48.0        | 26.6        |
| Selangor        | 26.8        | 44.7        | 17.9        |
| Penang          | 11.9        | 43.7        | 31.8        |
| Perak           | 15.0        | 45.5        | 30.5        |
| Kedah           | 11.6        | 41.0        | 29.4        |
| Perlis          | 13.0        | 36.7        | 23.7        |
| Negeri Sembilan | 14.6        | 34.2        | 19.6        |
| Melaka          | 14.8        | 37.9        | 23.1        |
| Johor           | 16.9        | 45.0        | 28.1        |
| Pahang          | 13.5        | 60.0        | 46.5        |
| Terengganu      | 35.5        | 55.9        | 20.4        |
| Kelantan        | 27.4        | 47.1        | 19.7        |
| Sabah           | 10.8        | 41.5        | 30.7        |
| Labuan          | 28.4        | 36.3        | 7.9         |
| Sarawak         | 49.6        | 46.6        | -3.0        |
| <b>Malaysia</b> | <b>21.8</b> | <b>46.6</b> | <b>24.8</b> |

Source: Tourism Malaysia (Based on Hotel Survey)




### 2.3 Harta Tanah Industri

#### Transaksi

Subsektor industri mencatat 8,082 transaksi bernilai RM21.16 bilion pada tahun 2022. Berbanding tahun 2021, aktiviti pasaran meningkat sebanyak 44.5% dalam bilangan dan 24.8% dalam nilai. Selangor terus menguasai pasaran, dengan 33.8% daripada jumlah bilangan dalam negara, diikuti oleh Johor dan Perak, masing-masing dengan syer pasaran 14.0% dan 8.1%.

Chart 25

Industrial Transactions Volume 2018 – 2022



#### Status Pasaran

Unit industri siap dibina tidak terjual kekal terkawal. Jumlah tidak terjual berkurangan kepada 880 unit bernilai hampir RM1.15 bilion, turun sebanyak 22.1% dalam bilangan dan 27.6% dalam nilai berbanding 2021. Pada masa yang sama, unit dalam pembinaan belum terjual berkurangan menurun kepada 450 unit, turun sebanyak 31.2%. Prestasi belum dibina belum terjual mencatatkan 51 unit, lebih daripada 22 unit yang direkodkan pada 2021.

Sarawak memegang sebahagian besar bilangan siap dibina tidak terjual, dengan 33.8% syer, diikuti oleh Johor (23.3%) dan Pulau Pinang (9.7%). Mengikut jenis, unit teres dan berkembar membentuk sebahagian besar daripada siap dibina tidak terjual, masing-masing dengan 59.2% dan 29.8% syer. Kebanyakan unit siap tidak terjual melebihi RM1 juta, membentuk 45.2% daripada jumlah keseluruhan negara.


### 2.3 Industrial Property

#### Transaction

The industrial sub-sector recorded 8,082 transactions worth RM21.16 billion in 2022. Compared to 2021, the market activity increased by 44.5% in volume and 24.8% in value. Selangor continued to dominate the market, with 33.8% of the nation's volume, followed by Johor and Perak, each with 14.0% and 8.1% market share.

Chart 26

Industrial Transaction Value Trend 2018 – 2022




#### Market Status

The industrial overhang remained manageable. The overhang volume decreased to 880 units worth nearly RM1.15 bilion, down by 22.1% volume and 27.6% in value against 2021. On similar note, the unsold under construction decreased to 450 units, down by 31.2%. The unsold not constructed recorded 51 units, more than 22 units recorded in 2021.

Sarawak held most of the overhang, with 33.8% share, followed by Johor (23.3%) and Pulau Pinang (9.7%). By type, terraced and semi-detach units formed the bulk of the overhang, each with 59.2% and 29.8% share. Most of the overhang were above RM1 million, forming 45.2% of the national total.

**Chart 27**

**Industrial Market Status 2018 - 2022**



**Aktiviti Pembinaan**


Dari segi pembinaan, subsektor industri menyaksikan pergerakan yang bercampur-campur. Siap dibina meningkat hampir satu kali ganda kepada 589 unit manakala mula dibina meningkat sebanyak 13.1% kepada 537 unit. Sebaliknya, penawaran baharu dirancang menurun sebanyak 31.7% kepada 468 unit. Selangor menyumbang bilangan siap dibina tertinggi iaitu 34.1% daripada jumlah keseluruhan negara, diikuti Sarawak (23.8%) dan Pulau Pinang (20.7%). Terdapat lebih daripada 120,000 unit industri sedia ada, lebih daripada 4,000 unit dalam penawaran akan datang dan hampir 7,000 unit dalam penawaran dirancang pada akhir tahun 2022.

**Construction Activity**

*On the construction front, the industrial sub-sector saw a mixed movement. Completions increased by nearly one-fold to 589 units whilst starts increased by 13.1% to 537 units. On the contrary, the new planned supply was down by 31.7% to 468 unit. Selangor contributed the highest number of completions, accounting for 34.1% of the national total, followed by Sarawak (23.8%) and Pulau Pinang (20.7%). There were slightly more than 120,000 existing industrial units, slightly more than 4,000 units in the incoming supply and nearly 7,000 units in the planned supply as at end-2022.*

**Chart 28**

**Industrial Industrial Construction Activity**



**Harga**

Harga harta tanah industri menunjukkan trend lebih stabil di seluruh negeri dengan trend menaik disaksikan untuk kilang teres. Di WP Kuala Lumpur, kilang teres satu setengah tingkat di Taman Perindustrian Ringan

**Price**

*Prices of industrial property showed a more stable trend across the states with upward trend witnessed for terraced factory. In WP Kuala Lumpur, one and a-half-storey terraced factory at Sri Edaran Light Industrial Park*

Sri Edaran dan Desa Tun Razak 2 masing-masing meningkat 15.7% dan 10.8% kepada RM1,680,000 hingga RM1,850,000 dan RM1,900,000. Di Selangor, kilang teres yang serupa di Bandar Bukit Puchong dan Subang International Light Industri Park 1 masing-masing meningkat 13.6% dan 7.3% kepada RM1,550,000 dan RM1,000,000. Plot industri kosong di Worldwide Izone di Klang dan Kawasan Perusahaan Ringan PKNS Batu 17 di Gombak masing-masing dipindahmilik dengan harga RM1,449 s.m.p dan RM958 s.m.p., meningkat sebanyak 9.4% dan 8.5%. Peningkatan itu disebabkan oleh meningkatnya permintaan terhadap gudang akibat daripada pengembangan e-dagang.

and Desa Tun Razak 2 increased by 15.7% and 10.8% to RM1,680,000 to RM1,850,000 and RM1,900,000 respectively. In Selangor, similar terraced factory in Bandar Bukit Puchong and Subang International Light Industri Park 1 increased by 13.6% and 7.3% to RM1,550,000 and RM1,000,000 respectively. Vacant industrial plots in Worldwide Izone in Klang and Kawasan Perusahaan Ringan PKNS Batu 17 in Gombak were transacted at RM1,449 p.s.m and RM958 p.s.m., increased by 9.4% and 8.5% respectively. The increase could be attributed to growing demand for warehouse due to expansion of e-commerce.

## 2.4 Harta Pertanian

### Transaksi

Subsektor pertanian mencatatkan 82,040 transaksi bernilai RM17.86 bilion, meningkat 44.6% di dalam bilangan dan 50.5% di dalam nilai berbanding tahun 2021 (56,730 transaksi bernilai RM11.86 bilion). Subsektor itu menduduki tempat kedua dari segi sumbangan kepada jumlah keseluruhan pasaran dengan syer 21.1% namun hanya menyumbang 10.0% syer dalam nilai transaksi.

## 2.4 Agriculture Property

### Transaction


Agriculture sub-sector recorded 82,040 transactions worth RM17.86 billion, up by 44.6% in volume and 50.5% in value against 2021 (56,730 transactions worth RM11.86 billion). The sub-sector ranked second in terms of contribution to the overall market volume with 21.1% share whilst contributed only 10.0% share in transaction value.

Kedah dan Perak menyumbang jumlah pasaran yang lebih tinggi kepada jumlah nasional, masing-masing dengan 17.2% (14,071 transaksi) dan 16.9% (13,873 transaksi). Dari segi nilai, Johor mendahului pasaran dengan 18.9%, diikuti oleh Perak (14.1%).

Kedah and Perak contributed higher market share to the national total, each with 17.2% (14,071 transactions) and 16.9% (13,873 transactions) share. In terms of value, Johor led the market with 18.9%, followed by Perak (14.1%).

Terdapat 59 transaksi tanah ladang bernilai hampir RM2 bilion yang dicatatkan pada tahun 2022. 36 di Sabah, 11 di Pahang, lima di Perak, tiga di Sarawak dan masing-masing satu di Johor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu. Daripada 59 transaksi, 20 tanah ladang dijual pada 2021 tetapi disempurnakan pada tahun 2022.

There were 59 estate land transactions worth nearly RM2 billion recorded in 2022. 36 in Sabah, 11 in Pahang, five in Perak, three in Sarawak and one each in Johor, Negeri Sembilan, Kelantan and Terengganu. Out of 59 transactions, 20 estate lands were sold in 2021 but concluded in 2022.



## Harga

Harga tanah pertanian pada amnya stabil. Di Kedah, tanah sawah tanaman padi dua kali setahun menghadap jalan di Kubang Pasu dipindahmilik dalam lingkungan RM204,000 dan RM284,000 sehektar, manakala tanah pedalaman tanaman padi dipindahmilik dalam lingkungan RM172,000 dan RM227,000 sehektar. Di Daerah Kota Bahru, transaksi tanah yang sama adalah antara RM170,000 dan RM541,000 sehektar. Di Johor, tanah durian di lapisan pedalaman memperoleh harga yang lebih tinggi antara RM275,000 sehektar hingga setinggi RM868,000 sehektar manakala tanah serupa di Perak adalah antara RM38,000 sehektar hingga RM744,000 sehektar.

### 3.0 PROSPEK 2023

Menurut Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana antara empat hingga lima peratus pada tahun 2023, disokong oleh asas ekonomi yang kukuh dan struktur ekonomi yang pelbagai, ditambah dengan sokongan dasar berterusan untuk mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan risiko penurunan yang berpunca daripada ketidakpastian geopolitik yang berpanjangan dan keadaan kewangan global yang semakin ketat. Bank Negara Malaysia (BNM) juga menjangka permintaan domestik akan terus memacu pertumbuhan, disokong oleh pasaran buruh yang terus pulih dan realisasi projek pelaburan berbilang tahun.

Pasaran hartanah dijangka meneruskan momentumnya dengan pelbagai inisiatif yang digariskan oleh kerajaan di bawah bajet 2023, antara lain:

1. Pengecualian penuh duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah kediaman pertama berharga sehingga RM500,000 oleh warganegara Malaysia kekal sehingga 31 Disember 2025.
2. Kenaikan pelepasan duti setem daripada 50% kepada 75% untuk pembelian hartanah kediaman pertama berharga antara RM500,000 hingga RM 1 juta oleh warganegara Malaysia dan hanya terpakai untuk perjanjian jual beli yang disempurnakan sehingga 31 Disember 2023.
3. Pengecualian penuh duti setem sehingga RM1 juta dan 50% pelepasan duti setem bagi amaun selebihnya bagi pindah milik harta secara kasih sayang antara ahli keluarga (bapa kepada anak dan datuk kepada cucu).
4. Peruntukan RM460.2 juta untuk pembinaan rumah baharu dan ubah suai rumah di kawasan luar bandar.
5. Peruntukan RM389.5 juta akan disalurkan kepada Program Perumahan Rakyat.

## Price

*Prices of agriculture land were generally stable. In Kedah, road frontage double cropping paddy lands in Kubang Pasu were transacted between RM204,000 and RM284,000 per hectare, whilst interior paddy lands were transacted at RM172,000 and RM227,000 per hectare. In Kota Bahru District, similar land was transacted between RM170,000 and RM541,000 per hectare. In Johor, interior durian lands fetched higher prices ranging from RM275,000 per hectare to as high as RM868,000 per hectare whilst similar land in Perak ranged from RM38,000 per hectare to RM744,000 per hectare.*

### 3.0 2023 OUTLOOK

*According to the Ministry of Finance (MoF), Malaysia's economy is expected to grow moderately between four to five percent in 2023, backed by strong fundamentals and diversified economic structure, coupled with ongoing policy support to cushion the impact of the rising cost of living and mitigate the downside risk stemming from the prolonged geopolitical uncertainties and tightening global financial conditions. Bank Negara Malaysia (BNM) also anticipated domestic demand will continue to drive growth, supported by the continued recovery in the labour market and the realisation of multi-year investment projects.*

*The property market is expected to continue its momentum with various initiatives outlined by the government under the revised Budget 2023. Among others:*

1. *Full stamp duty exemption on instrument of transfer and loan agreement for the purchase of the first residential home priced up to RM500,000 by Malaysia citizens remained until 31 December 2025.*
2. *Increase of stamp duty remission from 50% to 75% for the purchase of the first residential properties priced between RM500,000 to RM 1 million by Malaysian citizens and applicable for sale and purchase agreements executed until 31 December 2023.*
3. *Full stamp duty exemption up to RM1 million and 50% stamp duty remission for the remaining balance on transfers of property by way of love and affection between family members (father to child and grandfather to grandson).*
4. *Allocation of RM460.2 million for the building of new homes and home renovations in rural areas.*
5. *Allocation of RM389.5 million will be channelled to the People's Housing Programme.*

6. Peruntukan RM358 juta untuk pembinaan rumah mampu milik di bawah program Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.
7. Peruntukan RM462 juta untuk pembinaan 23,000 rumah di bawah Projek Perumahan Awam Malaysia.
8. Meningkatkan jaminan sehingga RM5 bilion melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dalam membantu pekerja gig seperti pekerja e-hailing dalam mendapatkan pembiayaan rumah sehingga RM500,000.

Dari segi pembangunan infrastruktur, kerajaan telah mencadangkan peruntukan bagi beberapa projek yang sedang dijalankan dan baharu di bawah Bajet 2023 yang dijangka dapat memacu aktiviti ekonomi, antara lain:

- Lebuhraya Pan Borneo dan Jalan Hubungan Sarawak-Sabah
- Mass Rapid Transit 3 (MRT 3) – Kerajaan akan mengkaji semula kos projek
- Untuk melegakan kesesakan jalan raya di kawasan tumpuan pelancong:
